



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGARUH ELEMEN DISPOSISI GURU BAHASA MELAYU TERHADAP  
KEINGINAN INTERAKSI LISAN MURID TINGKATAN EMPAT***

**GAYTRI ANAMALA**

**FPP 2017 2**



**PENGARUH ELEMEN DISPOSISI GURU BAHASA MELAYU TERHADAP  
KEINGINAN INTERAKSI LISAN MURID TINGKATAN EMPAT**



Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah

**Mei 2017**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

## PENGARUH ELEMEN DISPOSISI GURU BAHASA MELAYU TERHADAP KEINGINAN INTERAKSI LISAN MURID TINGKATAN EMPAT

Oleh

GAYTRI A/P ANAMALA

Mei 2017

Pengerusi : Fadzilah Abd Rahman, PhD  
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Interaksi lisan merupakan asas kepada penguasaan kemahiran literasi bahasa seperti kemahiran membaca dan menulis. Interaksi lisan bersifat dua hala antara guru dengan murid-murid dapat mengatasi masalah interaksi lisan yang masih bersifat sehala dan berpusatkan guru. Guru Bahasa Melayu harus mempamerkan elemen profesionalisme, semangat positif, kemahiran komunikasi, nilai sejahtera, kerjasama dengan murid dan kesediaan untuk belajar bagi merangsang keinginan interaksi lisan murid. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh elemen disposisi guru Bahasa Melayu terhadap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat. Analisis kajian menggunakan data 653 orang responden telah dijalankan dengan menggunakan *Confirmatory Factor Analysis* (CFA). Model Pengukuran *First-order* dan *Second-order* dalam proses CFA mengesahkan keupayaan instrumen dalam mengukur keinginan interaksi lisan murid berdasarkan elemen disposisi guru Bahasa Melayu. Tahap keinginan interaksi lisan murid dengan guru Bahasa Melayu yang mempamerkan elemen disposisi tinggi ( $M=4.52$ ,  $SD=.30$ ). Ujian-t tidak bersandar juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara keinginan interaksi lisan murid lelaki dan perempuan berdasarkan elemen disposisi yang dipamerkan oleh guru Bahasa Melayu ( $t(651) = -4.90$ ,  $p<.001$ , *two-tailed*), namun kekuatan perbezaannya kecil ( $\eta^2=.04$ ). Elemen kemahiran komunikasi guru Bahasa Melayu didapati mempunyai pengaruh paling kuat terhadap keinginan interaksi lisan murid ( $\lambda=.93$ ,  $R^2=.87$ ,  $p<.001$ ). Sebagai cadangan kajian masa hadapan, instrumen pentaksiran disposisi dalam kajian ini dapat dimantapkan dengan menambahkan item soalan bagi setiap elemen disposisi yang dikaji.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**EFFECT OF MALAY LANGUAGE TEACHERS' DISPOSITION ELEMENTS  
TOWARDS VERBAL INTERACTION DESIRE OF  
FORM FOUR STUDENTS**

By

**GAYTRI D/O ANAMALA**

**May 2017**

**Chairman : Fadzilah Abd Rahman, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

Oral interaction is fundamental to mastering literacy skills such as language proficiency in reading and writing. A two-way verbal interaction between teachers and pupils can overcome verbal interaction that is still one way and centered on the teacher. Malay language teachers' must demonstrate an element of professionalism, communication skills, enthusiasm, universal values, cooperation with students and learning readiness to stimulate the desire to interact among students. Study aims to identify the effect of Malay Language teachers' disposition elements towards verbal interaction desire of form four students in Federal Territory of Putrajaya. Confirmatory Factor Analysis (CFA) was conducted by using data of 653 respondents. First-order and Second-order Measurement in CFA confirmed the instrument's ability to measure verbal interaction desire of students by teachers' disposition elements. The level of students desire to interact with Malay language teachers' showcase elements of disposition is high ( $M = 4.52$ ,  $SD = .30$ ). Independent t-Test also found there was a significant difference between the desire of the oral interaction between male and female students based on the elements of disposition exhibited by the Malay language teachers' ( $t (651) = 4.90$ ,  $p < .001$ , two-tailed), but the power difference is small ( $\eta^2 = .04$ ). Analysis of the CFA confirmed that the element of communication skills in Malay language teachers have the strongest influence on students verbal interaction desire ( $\lambda = .93$ ,  $R^2 = .87$ ,  $p < .001$ ). As a suggestion for future studies, assessment instruments of dispositions in this study can be enhanced by adding items for each element of the disposition.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan atas keberkatan yang dikurniakan untuk menyempurnakan tesis ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Dr.Fadzilah Abd Rahman selaku penyelia utama tesis atas segala ilmu, nasihat, bimbingan dan didikan yang telah diberikan dalam usaha menyempurnakan tesis ini. Senyuman tulus beliau bukan sahaja menghilangkan rasa gelisah dalam hati, malah memberi keyakinan dan ketenangan jiwa sepanjang penulisan tesis ini. Motivasi yang diberikan oleh beliau dalam setiap perjumpaan menjadi penyuntik semangat bagi menyempurnakan kajian ini dengan jayanya.

Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada ahli-ahli jawatankuasa tesis, Dr.Rozita Radhiah Said dan Dr.Ghazali Lateh atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih kepada barisan pemeriksa tesis iaitu Profesor Madya. Dr. Asmawati Suhid, Profesor Madya Dr. Arba'ie bin Sujud, Profesor Madya Dr. Abdul Rasid bin Jamian dan Y. Bhg. Profesor Dr. Zamri bin Mahamod atas nasihat dan perkongsian idea yang diberikan bagi memurnikan tesis ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Dr.Azhar bin Md. Sabil, Dr.Umi Kalthom Abdul Manaf dan Dr.Nor Aniza Ahmad atas kesudiaan menyemak dan mengesahkan instrumen bagi kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan turut dirakamkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Putrajaya atas kebenaran bertulis yang telah diberikan untuk menjalankan kajian ini. Ribuan terima kasih turut diucapkan kepada semua pengetua sekolah menengah kebangsaan harian di Wilayah Persekutuan Putrajaya atas kebenaran yang diberikan untuk mengutip data kajian dan semua peserta kajian yang terlibat dalam kajian atas kerjasama yang telah diberikan semasa kajian dijalankan.

Saya ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta, Kalai Selvan Jayagogolan atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran mengharungi segala cabaran sepanjang pengajian ini. Ucapan terima kasih turut saya ucapkan kepada ibu bapa saya, Anamala dan Nageswari serta adik beradik saya Anuratha, Kasturi dan Vikneshvaran yang telah banyak memberikan galakan dan menghulurkan bantuan yang diperlukan sepanjang tempoh pengajian ini. Ucapan terima kasih juga saya rakamkan khas kepada adik ipar saya, Vignesvary Magalingam kerana sentiasa bersedia mendengar keluhan hati saya, memberi dorongan dan sokongan kepada saya sepanjang pengajian ini.

Seikhlasnya, kejayaan ini merupakan kejayaan bersama. Selaut budi dan segunung intan diucapkan kepada semua insan yang telah membantu saya mengharungi perjuangan ini dengan jayanya.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 5 Mei 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Gaytri a/p Anamala bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Pengaruh Elemen Disposisi Guru Bahasa Melayu terhadap Keinginan Interaksi Lisan Murid Tingkatan Empat" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Asmawati binti Suhid, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Arba'ie bin Sujud, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Abdul Rasid bin Jamian, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Zamri bin Mahamod, PhD**  
Profesor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 6 Julai 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Fadzilah Abd Rahman, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Rozita Radhiah Said, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Ghazali Lateh, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Gaytri a/p Anamala, GS38632

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr.Fadzilah Abd Rahman

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr.Rozita Radhiad Said

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

DR. Ghazali Lateh

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi

### BAB

<b>1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Latar belakang	2
1.2 Pernyataan masalah	8
1.3 Tujuan Kajian	11
1.4 Objektif kajian	11
1.5 Soalan kajian	12
1.6 Hipotesis kajian	13
1.7 Kepentingan kajian	13
1.8 Skop dan batasan kajian	16
1.9 Definisi operasional	16
1.9.1 Elemen disposisi guru	16
1.9.2 Keinginan interaksi lisan	18
1.9.3 Guru bahasa Melayu	19
1.9.4 Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu	19
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	21
2.1 Pengenalan	21
2.2 Peranan guru bahasa Melayu dalam sistem pendidikan	21
2.3 Peranan mata pelajaran bahasa Melayu dalam sistem pendidikan	23
2.4 Disposisi guru dan peranannya dalam pengajaran dan pembelajaran	24
2.5 Keperluan disposisi guru bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu	28
2.6 Kelemahan disposisi guru yang menghalang interaksi lisan	30
2.7 Penerokaan awal kajian interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran	32
2.8 Kajian interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu	34
2.9 Permasalahan atau halangan interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu	36

2.10	Peranan dan kepentingan disposisi guru bahasa Melayu dalam interaksi lisan murid	38
2.11	Elemen profesionalisme guru bahasa Melayu dalam interaksi lisan murid	40
2.12	Elemen semangat positif guru bahasa Melayu dalam interaksi lisan murid	43
2.13	Elemen kemahiran komunikasi guru bahasa Melayu dalam interaksi lisan murid	45
2.14	Elemen nilai sejagat guru bahasa Melayu dalam interaksi lisan murid	48
2.15	Elemen kerjasama guru bahasa Melayu dengan murid dalam interaksi lisan	49
2.16	Elemen kesediaan belajar guru bahasa Melayu dalam interaksi lisan murid	51
2.17	Pengaruh jantina dalam pengajaran dan pembelajaran	53
2.18	Keinginan interaksi lisan murid dalam pengajaran dan pembelajaran	54
2.19	Instrumen penilaian disposisi	55
2.19.1	Pemilihan instrumen kajian disposisi	55
2.19.2	Penentuan elemen disposisi guru berdasarkan instrumen yang dipilih	58
2.20	Kerangka kajian	59
2.20.1	Kerangka teori	59
2.20.2	Kerangka kajian	63
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	65
3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka bentuk kajian	65
3.3	Proses kajian tinjauan	65
3.4	Lokasi kajian	67
3.5	Populasi kajian	68
3.6	Persampelan kajian	69
3.7	Instrumen kajian	70
3.8	Kesahan instrumen kajian	73
3.8.1	Kesahan kandungan	73
3.8.2	Kesahan konstruk	74
3.9	Kajian rintis dan kebolehpercayaan instrumen kajian	74
3.10	Prosedur pungutan data	76
3.11	Penganalisisan data kajian	77
3.12	Analisis Penerokaan Data	79
3.12.1	Statistik deskriptif	80
3.12.2	Statistik inferensi	80
3.13	Tafsiran tahap skor min	81
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	82
4.1	Pengenalan	82
4.2	Analisis deskriptif profil responden	82
4.3	Dapatan objektif pertama:	83

	Keupayaan instrumen kajian mengukur keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan kepada persetujuan mereka terhadap elemen disposisi guru bahasa Melayu.	
4.3.1	Model Pengukuran <i>First-order</i> kajian	85
4.3.1.1	Unidimensionaliti	90
4.3.1.2	Kesahan	92
	4.3.1.2.1 Kesahan konstruk <i>latent</i>	92
	4.3.1.2.2 Kesahan tumpuan	92
	4.3.1.2.3 Kesahan diskriminan	96
4.3.1.3	Kebolehpercayaan	98
4.3.2	Model Pengukuran <i>Second-order</i> kajian	99
	4.3.2.1 Unidimensionaliti	101
	4.3.2.2 Kesahan	102
	4.3.2.2.1 Kesahan konstruk <i>latent</i>	102
	4.3.2.2.2 Kesahan tumpuan	102
	4.3.2.3 Kebolehpercayaan	103
4.4	Dapatkan objektif kedua:	104
	Tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru bahasa Melayu mempamerkan elemen profesionalisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.	
4.5	Dapatkan objektif ketiga:	105
	Tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru bahasa Melayu mempamerkan elemen semangat positif semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.	
4.6	Dapatkan objektif keempat:	106
	Tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru bahasa Melayu mempamerkan elemen kemahiran komunikasi semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.	
4.7	Dapatkan objektif kelima:	108
	Tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru bahasa Melayu mempamerkan elemen nilai sejagat semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.	
4.8	Dapatkan objektif keenam:	109
	Tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru bahasa Melayu mempamerkan elemen kerjasama dengan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu	

4.9	Dapatkan objektif ketujuh: Tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru bahasa Melayu mempamerkan elemen kesediaan untuk belajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.	110
4.10	Dapatkan objektif kelapan: Tahap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat sekiranya guru bahasa Melayu mempamerkan elemen disposisi semasa proses pengajaran dan pembelajaran	111
4.11	Dapatkan objektif kesembilan: Perbezaan skor min persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru bahasa Melayu mempamerkan elemen-elemen disposisi semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina.	112
4.12	Dapatkan objektif kesepuluh: Perbezaan skor min keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat yang dipengaruhi oleh elemen-elemen disposisi guru bahasa Melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina.	115
4.13	Dapatkan objektif kesebelas: Mengenal pasti elemen disposisi guru bahasa Melayu yang mempunyai pengaruh paling signifikan terhadap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.	116
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	119
5.1	Pengenalan	119
5.2	Rumusan kajian	119
5.3	Perbincangan	123
5.3.1	Pengaruh elemen profesionalisme guru bahasa Melayu terhadap interaksi lisan murid tingkatan empat	123
5.3.2	Pengaruh elemen semangat positif guru bahasa Melayu terhadap interaksi lisan murid tingkatan empat	125
5.3.3	Pengaruh elemen kemahiran berkomunikasi guru bahasa Melayu terhadap interaksi lisan murid tingkatan empat	127
5.3.4	Pengaruh elemen nilai sejahtera guru bahasa Melayu terhadap interaksi lisan murid tingkatan empat	129

5.3.5	Pengaruh elemen kerjasama dengan murid oleh guru bahasa Melayu terhadap interaksi lisan murid tingkatan empat	131
5.3.6	Pengaruh elemen kesediaan belajar guru bahasa Melayu terhadap interaksi lisan murid tingkatan empat	133
5.3.7	Pengaruh disposisi guru bahasa Melayu terhadap interaksi lisan murid tingkatan empat mengikut jantina	134
5.4	Kesimpulan	135
5.5	Implikasi kajian terhadap aspek teori	136
5.6	Implikasi kajian terhadap aspek praktikal	138
5.7	Cadangan kajian lanjutan	139
	<b>RUJUKAN</b>	141
	<b>LAMPIRAN</b>	169
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	246
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	247

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Perbandingan bilangan dan elemen disposisi dalam instrumen	58
3.1 Jumlah murid dan saiz sekolah di lokasi kajian sebenar dan rintis	68
3.2 Bilangan populasi murid tingkatan empat di Wilayah Persekutuan Putrajaya	69
3.3 Perincian pecahan soal selidik	72
3.4 Bilangan item mengikut konstruk yang dibina dalam instrumen kajian	72
3.5 Skala pengukuran	73
3.6 Hasil Ujian KMO dan Bartlett	74
3.7 Hasil ujian kebolehpercayaan kajian rintis ( $N=70$ )	75
3.8 Jenis penganalisisan data yang digunakan mengikut soalan kajian	78
3.9 Analisis toleran dan VIF boleh ubah	80
3.10 Tafsiran tahap skor min	81
4.1 Kekerapan mengikut jantina dan kaum ( $N=653$ )	82
4.2 Perbandingan nilai-nilai indeks <i>fitness</i> bagi beberapa Model Pengukuran	88
4.3 Senarai item dan konstruk <i>latent</i> yang dikekalkan dan digugurkan	91
4.4 Nilai-nilai indeks <i>fitness</i> bagi Model Pengukuran <i>First-order</i> selepas proses CFA	92
4.5 Nilai <i>Average Variance Extracted</i> (AVE) bagi setiap sub-konstruk <i>latent</i> dalam Model Pengukuran <i>First-order</i>	94
4.6 Senarai item dan konstruk <i>latent</i> serta <i>factor loading</i> yang dikekalkan selepas proses CFA ( $N=653$ )	95
4.7 Korelasi antara konstruk <i>latent</i> -konstruk <i>latent</i> dalam Model Pengukuran <i>First-order</i> ( $N=653$ )	97
4.8 Indeks Kesahan Diskriminan ( <i>Discriminant Validity Index</i> ) bagi setiap konstruk <i>latent</i> dalam Model Pengukuran <i>First-order</i> ( $N=653$ )	98
4.9 Nilai <i>Cronbach alpha</i> ( $\alpha$ ) dan <i>Composite Reliability</i> (CR) bagi setiap sub-konstruk <i>latent</i> dalam Model Pengukuran <i>First-order</i> ( $N=653$ )	99

4.10	Nilai-nilai indeks <i>fitness</i> bagi Model Pengukuran <i>Second-order</i>	101
4.11	Senarai konstruk <i>latent</i> yang dikekalkan dan digugurkan	102
4.12	Nilai <i>Average Variance Extracted</i> (AVE) bagi konstruk <i>latent</i> dalam Model Pengukuran <i>Second-order</i>	103
4.13	Nilai <i>Composite Reliability</i> (CR) bagi konstruk <i>latent</i> utama dalam Model Pengukuran <i>Second-order</i>	104
4.14	Skor min dan sisihan piawai item dan sub-konstruk 'Guru Mempamerkan Profesionalisme' ( $N=653$ )	105
4.15	Skor min dan sisihan piawai item dan sub-konstruk 'Guru Mempamerkan Semangat Positif' ( $N=653$ )	106
4.16	Skor min dan sisihan piawai item dan sub-konstruk 'Guru Mempamerkan Kemahiran Komunikasi' ( $N=653$ )	107
4.17	Skor min dan sisihan piawai item dan sub-konstruk 'Guru Mempamerkan Nilai Sejagat' ( $N=653$ )	109
4.18	Skor min dan sisihan piawai item dan sub-konstruk 'Guru Mempamerkan Kerjasama Dengan Murid' ( $N=653$ )	110
4.19	Skor min dan sisihan piawai item dan konstruk 'Guru Mempamerkan Kesediaan untuk Belajar' ( $N=653$ )	111
4.20	Skor min dan sisihan piawai elemen-elemen disposisi sub-konstruk (A, B, C, D, E, dan F) dan konstruk utama 'Keinginan Interaksi Lisan Murid' ( $N=653$ )	112
4.21	Perbezaan skor min antara jantina yang signifikan mengikut sub-konstruk ( $N=653$ )	114
4.22	Perbezaan skor min antara jantina yang signifikan mengikut konstruk 'Keinginan Interaksi Lisan Murid' ( $N=653$ )	116
4.23	Nilai Beta ( $\beta$ ) sebenar dan kesignifikannya ( $N=653$ )	117
4.24	<i>Factor loading</i> dan nilai R <sup>2</sup> bagi setiap sub-konstruk <i>latent</i> terhadap konstruk <i>latent</i> utama ( $N=653$ )	118

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Interaksi lisan dua hala (adaptasi daripada Hashim, Yaakub dan Ahmad, 2007)	3
1.2	Elemen disposisi guru (adaptasi daripada Almerico, Johnston, Henriott & Shapiro, 2011)	7
2.1	Kerangka teori kajian	63
2.2	Kerangka kajian	64
3.1	Proses Kajian Tinjauan (adaptasi daripada Chua, 2011).	66
4.1	Batasan Model Pengukuran <i>First-order</i> dan <i>Second-order</i> kajian	84
4.2	Model Pengukuran <i>First-order</i> sebelum penambahbaikan proses	87
4.3	Model Pengukuran <i>First-order</i> kajian setelah proses CFA	89
4.4	Model Pengukuran <i>Second-order</i> kajian	100

## BAB 1

### PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah melibatkan interaksi lisan antara guru dengan murid. Guru bertanggungjawab untuk merangsang keinginan interaksi lisan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Interaksi lisan dianggap sangat penting kerana proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu tidak dapat dijalankan dengan berkesan tanpa menggunakan interaksi sebagai medium (Mohd Khairuddin, Khalid Johari, Ag Yusof & Halimah Laji, 2014).

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sewajarnya mengutamakan interaksi lisan antara guru dengan murid. Proses yang melibatkan penyaluran dan pertukaran maklumat antara penutur dengan pendengar dikenali sebagai interaksi lisan (Ghazali dan Shamsudin, 2014). Guru Bahasa Melayu perlu berusaha untuk memberikan rangsangan bagi mewujudkan keinginan interaksi lisan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Usaha ini penting kerana walaupun interaksi lisan antara guru dengan murid ditafsirkan sebagai ‘denyutan nadi’ dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Khalip dan Hariza, 2015), namun senario sebenar pengajaran dan pengajaran bahasa Melayu yang berlaku di dalam bilik darjah adalah sangat berbeza daripada yang sepatutnya kerana masih bersifat sehala iaitu berpusatkan guru.

Peranan guru dalam mewujudkan interaksi lisan yang berlaku dalam proses komunikasi di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran sangat penting (Khalip dan Hariza, 2015). Interaksi lisan antara guru dengan murid adalah asas pengajaran dan kualiti interaksi tersebut dapat mendedahkan perasaan guru kepada murid (Erlam, 2015). Guru yang menekankan interaksi lisan dengan murid bukan sahaja dapat membina iklim bilik darjah yang bebas daripada masalah pengurusan malah membolehkan guru dan murid bekerja ke arah matlamat yang sama (Erlam, 2015).

Guru Bahasa Melayu harus menggunakan pendekatan sewajarnya bagi mewujudkan keinginan interaksi lisan murid agar interaksi bersifat dua hala dapat dimangkinkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh elemen disposisi guru Bahasa Melayu terhadap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat.

## **1.1 Latar belakang**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk mempersiapkan generasi muda menghadapi cabaran abad ke-21. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bertujuan untuk memastikan agar semua murid seimbang dari segi pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. KPM telah menetapkan sebelas anjakan utama untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025.

PPPM menetapkan tiga objektif khusus untuk membangunkan sistem pendidikan dan aspirasi murid bagi memenuhi keperluan negara pada masa hadapan. Memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia dengan memberikan tumpuan terhadap kepada pendidikan, meningkatkan kualiti, merapatkan jurang pencapaian, mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid dan mengoptimumkan kecekapan sistem merupakan objektif pertama PPPM. Objektif kedua PPPM adalah untuk mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas untuk setiap pendidikan secara keseluruhan bagi tempoh 13 belas tahun akan datang.


PPPM turut menggariskan 11 anjakan pendidikan sebagai strategik yang harus dilaksanakan oleh KPM bagi mencapai visi dan objektif yang dihasratkan. Sehubungan itu, kajian ini berusaha untuk membantu pihak KPM untuk merealisasikan anjakan pertama dan kedua yang ditetapkan dalam PPPM melalui proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang dilaksanakan di Malaysia.

Anjakan pertama yang ditetapkan dalam PPPM ialah menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Menurut PPPM 2013-2025, murid di Malaysia harus berkebolehan dalam bidang pendidikan terutamanya dari segi pengetahuan, keupayaan menaakul, sifat kepimpinan dan kemahiran beraras tinggi serta penguasaan kemahiran insaniah demi merealisasikan anjakan pertama yang ditetapkan. Interaksi lisan yang dititikberatkan antara guru dengan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berpotensi untuk meningkatkan kebolehan murid seperti yang diharapkan menerusi disposisi yang dipamerkan oleh guru Bahasa Melayu (Seman, 2005). Oleh itu, guru harus berusaha merangsang keinginan interaksi lisan murid di dalam bilik darjah

Kajian ini turut berupaya untuk memberikan sumbangan kepada anjakan kedua yang difokuskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 iaitu memastikan setiap murid profisien dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Menurut PPPM 2012-2025, setiap murid harus menguasai kedua-dua bahasa ini untuk meningkatkan keupayaan berbahasa dan murid turut

diharapkan mencapai 100% literasi asas dalam bahasa Melayu serta memiliki nilai sejagat dan identiti nasional yang utuh. Keupayaan berbahasa murid dapat ditingkatkan melalui interaksi lisan antara guru dengan murid. Keinginan interaksi lisan murid membolehkan interaksi lisan bersifat dua hala terbentuk semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Pelaksanaan pendekatan pengajaran yang berasaskan kepada interaksi lisan antara guru dengan murid dapat menyumbang pelbagai manfaat bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Interaksi lisan berfungsi sebagai proses pertukaran makna melibatkan guru sebagai penutur dan murid sebagai pendengar (Abdul Rasid, Shamsudin dan Sufiza, 2013). Keinginan interaksi lisan murid dapat membantu proses pertukaran makna dengan guru yang mengajar di dalam bilik darjah. Interaksi lisan yang dihasratkan dalam kajian ini merupakan interaksi lisan bersifat dua hala yang sepatutnya berlaku antara guru dengan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.1.



**Rajah 1.1: Interaksi lisan dua hala antara guru dengan murid**  
(adaptasi daripada Hashim, Yaakub dan Ahmad, 2007)

Berdasarkan rajah 1.1, interaksi lisan yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu melibatkan interaksi lisan dua hala antara guru dengan murid. Keinginan interaksi lisan murid sangat penting untuk menggalakkan interaksi lisan bersifat dua hala. Interaksi lisan bersifat dua hala turut memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan hubungan guru dan murid yang positif.

Hubungan guru dan murid yang positif berupaya meningkatkan iklim pembelajaran, memberikan pengaruh positif terhadap pencapaian akademik dan mempengaruhi tingkah laku murid (Haliza, Hamzah, Samuel dan Joy, 2014). Selain itu, hubungan yang baik antara guru dengan murid dapat memotivisasikan dan menggalakkan murid untuk berinteraksi serta

mempengaruhi tingkah laku guru yang mengajar (Spilt, Koomen dan Thijs, 2011). Hubungan yang baik sangat dititikberatkan kerana berupaya menangani masalah pengurusan di dalam bilik darjah (De Jong, Van, Verloop, Veldman dan Wubbels, 2012).

Selain itu, keinginan interaksi lisan murid yang diberikan penekanan dalam kajian ini bukan sahaja berupaya untuk membantu murid menguasai literasi bahasa Melayu yang standard dan meningkatkan keupayaan berbahasa dengan baik dalam bahasa Melayu, malah mampu memupuk nilai sejagat dan identiti nasional dengan berinteraksi menggunakan bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan di Malaysia. Murid turut berpeluang untuk mendalami nilai sejagat yang diharapkan dengan mencontohi disposisi yang dipamerkan oleh guru.

Interaksi lisan antara guru dengan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran juga penting bagi memastikan murid berinteraksi menggunakan bahasa Melayu yang standard, malah membantu mereka menguasai kemahiran lisan yang menjadi tunjang kepada penguasaan kemahiran bahasa yang lain seperti membaca dan menulis. Interaksi lisan menggunakan bahasa Melayu yang standard memainkan peranan sebagai alat komunikasi dan perantara manusia (Abdul Rasid et al., 2013). Interaksi lisan antara guru dengan murid turut berupaya untuk mewujudkan hubungan baik dan persefahaman antara guru dengan murid untuk bergerak ke arah matlamat yang sama (Wang, Brinkworth dan Eccles, 2013).

Interaksi antara guru dengan murid turut dianggap penting untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan murid, di samping merapatkan hubungan antara guru dengan murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Interaksi guru dengan murid juga berupaya menentukan tingkah laku guru dan murid tersebut (Tak dan Chang, 2011). Menurut Tak dan Chang lagi, interaksi lisan merupakan proses transaksi yang berterusan dan membentuk tingkah laku bersifat interpersonal bagi guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun terdapat pelbagai teknik, kaedah, pendekatan dan strategi untuk melaksanakan amalan interaksi lisan, namun guru selaku pembimbing dan fasilitator dalam proses pengajaran dan pembelajaran harus berusaha merangsang keinginan interaksi lisan murid. Menurut Teori Behaviourisme Ivan Pavlov (1980), rangsangan yang sewajarnya diperlukan untuk melakukan sesuatu gerak balas yang diharapkan (Wiryokusumo, 2009). Oleh itu, guru Bahasa Melayu sebagai perlu menjadi rangsangan yang baik untuk mewujudkan keinginan interaksi lisan murid selari dengan tuntutan teori Behaviourisme.

Persoalannya, apakah rangsangan yang mampu mewujudkan keinginan interaksi lisan murid dengan guru Bahasa Melayu? Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa sikap dan kemahiran yang dimiliki oleh guru yang mengajar menjadi faktor yang dapat menggalakkan murid terlibat dalam interaksi lisan di dalam bilik darjah (Mohd. Yusof, Noor Rahamah dan Maizatul, 2012; Siti Maziha, Nik Suryani dan Melor Yunus, 2010; Nurzatulshima, Lilia, Kamisah dan Subahan, 2009). Selain itu, beberapa penyelidikan yang telah dijalankan dalam bidang pendidikan di luar negara, terutamanya di Amerika Syarikat mendapati bahawa disposisi guru memainkan peranan yang sangat penting untuk melakukan perubahan yang diperlukan dalam kalangan guru dan murid bagi mewujudkan keinginan interaksi lisan murid agar pembelajaran lebih berpusatkan murid (Jana, 2013).

Penyelidikan berkaitan disposisi yang telah dijalankan di luar negara membuktikan bahawa disposisi sangat penting bagi seseorang guru untuk melakukan perubahan seperti mewujudkan keinginan interaksi lisan murid (Splichal, 2015). Hal ini demikian kerana disposisi terbukti dapat menggalakkan interaksi lisan bersifat dua hala antara guru dengan murid (Splichal, 2015). Disposisi ditakrifkan sebagai nilai, komitmen, dan etika profesional yang mempengaruhi tingkah laku murid, keluarga, kolej, dan komuniti dan memberikan kesan terhadap pembelajaran murid, motivasi dan pembangunan diri murid dan pendidik itu sendiri (NCATE, 2007). Disposisi turut didefinisikan sebagai sikap yang membentuk asas tingkah laku guru, mempengaruhi pembelajaran murid dan profesionalisme guru serta berfungsi sebagai pemboleh ubah yang paling penting untuk memudahkan atau menghalang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Wascisko, 2002; Pajares, 1992; McCombs, 2001).


Peranan disposisi dalam pengajaran dan pembelajaran sangat penting bagi menentukan kejayaan untuk menghasilkan interaksi lisan (Lauren dan Bridget, 2013). Guru Bahasa Melayu harus memahami bahawa tingkah laku yang dipamerkan di dalam bilik darjah berpotensi mempengaruhi bentuk interaksinya dengan murid. Hal ini demikian kerana guru menjadi pendorong untuk mewujudkan keinginan interaksi lisan murid di dalam bilik darjah kerana memiliki pengetahuan yang lebih luas berbanding dengan murid (Khalip dan Hariza, 2015; Roselan, 2003).

Guru yang memiliki disposisi berupaya mewujudkan interaksi lisan dengan muridnya (Lauren dan Bridget, 2013; Fisher, Fraser, dan Cresswell, 1995). Hal ini menunjukkan bahawa usaha mewujudkan keinginan interaksi lisan murid untuk berinteraksi dengan guru dapat dimangkinkan melalui disposisi yang dipamerkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Interaksi lisan perlu dititikberatkan kerana murid akan berasa dirinya diambil berat, sekiranya mereka diberikan peluang yang sama adil untuk meningkatkan kemahiran interaksi (Siti Nurul, Mohamad Zaki dan Suhaidah, 2014).

Oleh itu, guru Bahasa Melayu harus mengambil inisiatif untuk mempengaruhi keinginan interaksi lisan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pendekatan terbaik untuk guru Bahasa Melayu menggalakkan interaksi dengan murid ialah mewujudkan hubungan yang positif dengan murid (Haliza *et al.*, 2014). Beberapa penyelidik merumuskan bahawa disposisi guru memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi murid untuk melakukan sesuatu tindakan (Schulte, Edick, Edwards dan Mackiel, 2004).

Menurut Teori Ramalan Vroom (1964), usaha, prestasi dan hasil diperlukan untuk menggalakkan murid berinteraksi seperti yang diharapkan. Usaha untuk mewujudkan keinginan interaksi lisan murid demi melibatkan diri dalam interaksi lisan bersifat dua hala adalah sangat penting. Usaha untuk menggalakkan keinginan interaksi lisan murid perlu dilakukan oleh guru Bahasa Melayu yang bertindak sebagai pembimbing dalam proses pembelajaran. Oleh itu, guru Bahasa Melayu harus berusaha melakukan transformasi dalam dirinya bagi menggalakkan interaksi lisan dengan muridnya bagi menghasilkan prestasi yang diharapkan iaitu keinginan interaksi lisan murid. Apabila prestasi yang diharapkan ini berjaya dicapai, maka hasil yang diharapkan iaitu interaksi lisan bersifat dua hala antara guru dengan murid dapat direalisasikan.

Tinjauan terhadap beberapa kajian berkaitan disposisi yang dijalankan di luar negara membuktikan bahawa disposisi yang dipamerkan oleh seseorang guru dapat memberikan impak positif terhadap murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Lauren dan Bridget, 2013; NCATE, 2006). Setelah penelitian dan perbandingan terhadap instrumen penilaian disposisi dilakukan seperti yang dijelaskan dalam bab 2, pengkaji mendapati bahawa elemen-elemen disposisi dalam instrumen penilaian disposisi Almerico, Johnston, Henriott dan Shapiro (2011) sangat bersesuaian untuk meneliti pengaruh elemen disposisi guru terhadap keinginan interaksi lisan murid.



**Rajah 1.2: Elemen disposisi guru**  
(adaptasi daripada Almerico, Johnston, Henriott dan Shapiro, 2011)

Berdasarkan rajah 1.2, elemen disposisi yang dinilai pengaruhnya terhadap keinginan interaksi lisan murid ialah profesionalisme, semangat positif, kemahiran komunikasi, nilai sejagat, kerjasama dengan murid dan kesediaan belajar guru Bahasa Melayu. Menurut Almerico et al. (2011), elemen profesionalisme dalam rajah ini melibatkan menjawab soalan yang ditanya, mudah untuk didekati, menggunakan bahasa yang berhemah ketika berinteraksi dengan murid, bersikap jujur dan meraih kepercayaan murid dan bijak mengawal emosi semasa mengawal karenah murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan rajah ini, semangat positif pula melibatkan semangat guru untuk menggalakkan murid berinteraksi, merangsang minat murid untuk berinteraksi, sanggup berinteraksi dengan murid yang lemah dan sentiasa menggalakkan murid agar rajin berinteraksi. Guru juga harus sentiasa ceria di dalam bilik darjah, memberikan pujian kepada murid sebagai penghargaan, menggalakkan murid untuk memberikan idea dan memupuk keyakinan dalam diri murid untuk berinteraksi dengan guru.

Berdasarkan instrumen Almerico et al. (2011), kemahiran komunikasi melibatkan penggunaan bahasa Melayu yang standard, nada yang menyenangkan, intonasi yang sesuai dan kosa kata yang pelbagai. Selain itu, elemen ini melibatkan ciri memberikan pengetahuan dengan jelas dan tepat, bertutur dengan yakin di hadapan murid, menerima idea atau pandangan murid secara terbuka dan bertoleransi dengan idea atau pandangan yang diberikan oleh murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan rajah 1.2, nilai sejagat dalam instrumen ini melibatkan sikap bergaul dengan murid tanpa rasa pilih kasih, tidak melabel murid dan bersikap adil semasa memberikan peluang berinteraksi kepada semua murid. Kerjasama guru dengan murid pula melibatkan kesanggupan untuk mendengar masalah murid, menegur murid secara berhemah sekiranya kesilapan dilakukan, memberikan reaksi positif ketika berinteraksi dalam

kumpulan, menggalakkan murid agar memberikan refleksi kendiri dan mendengar dengan teliti ketika murid memberikan pendapat.

Berdasarkan instrumen Almerico et al. (2011), kesediaan belajar melibatkan kesanggupan untuk menerima kritikan murid secara terbuka, bertanya soalan untuk memahami masalah murid, melibatkan diri secara aktif semasa pengajaran dan melibatkan diri dalam perbincangan kumpulan bersama-sama dengan murid untuk membimbing mereka.

Walaupun telah wujud banyak kajian tentang interaksi lisan dalam bidang bahasa Melayu di Malaysia seperti kajian interaksi Abdul Rasid et al. (2013), Yahya dan Muhammad (2010) dan Nor Safrin, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che (2009), namun kajian-kajian tersebut lebih memfokuskan kepada jenis, bentuk dan kaedah pelaksanaan interaksi lisan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Jurang penyelidikan yang wujud ialah kekurangan kajian yang meninjau keinginan interaksi lisan murid untuk terlibat dalam interaksi lisan bersifat dua hala dengan guru Bahasa Melayu apabila sesuatu rangsangan baharu diberikan. Selain itu, terdapat banyak kajian berkaitan tingkah laku guru Bahasa Melayu yang dikaji secara berasingan oleh para penyelidik bahasa di Malaysia. Namun, kajian ini dapat memberikan nilai tambah kepada kajian-kajian tingkah laku guru Bahasa Melayu yang sedia ada kerana menggabungkan beberapa elemen tingkah laku guru dengan istilah disposisi.

Tinjauan literatur terhadap kajian disposisi di luar negara mengesahkan bahawa pengaruh elemen disposisi guru sangat signifikan terhadap pembelajaran murid. Walau bagaimanapun, pengaruh elemen disposisi guru terhadap keinginan interaksi lisan murid di Malaysia untuk terlibat dalam interaksi lisan bersifat dua hala semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu harus diteliti terlebih dahulu kerana ciri-ciri persekitaran dan budaya pendidikan di Malaysia yang berbeza dengan luar negara (Muhammad Zaffwan, Sayed Yusoff dan Tan, 2013). Maka, kajian ini meneliti pengaruh elemen disposisi guru Bahasa Melayu terhadap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Interaksi lisan antara guru Bahasa Melayu dan murid sangat penting bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Interaksi bersifat dua hala ini berperanan untuk menggerakkan guru dan muridnya ke arah matlamat yang sama. Walau bagaimanapun, interaksi lisan yang berlaku di dalam kebanyakan bilik darjah masih bersifat sehala iaitu hanya guru sahaja yang bercakap, manakala murid jarang mendapat peluang berinteraksi. Hal ini terbukti apabila beberapa kajian mendapati guru bercakap 70% dalam masa pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Pennings, van Tartwijk, Wubbels, Claessens, van der Want dan

Brekelmans, 2014; Solmaz, Adel dan Yusef, 2013). Hal ini menunjukkan bahawa hanya 30% sahaja dalam masa pembelajaran, murid mendapat peluang untuk terlibat dalam interaksi lisan. Masalah ini jelas menunjukkan bahawa murid tidak mempunyai keinginan interaksi lisan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Interaksi memainkan peranan penting dalam proses komunikasi dan kajian berkaitan komunikasi antara guru dengan murid sangat penting dalam sesuatu proses pengajaran (Syofia et al., 2012).

Dalam bidang pengajaran bahasa Melayu, interaksi lisan turut didapati masih bersifat satu arah iaitu hanya guru yang bercakap manakala murid lain hanya mendengar (Abdul Rasid et al., 2013). Apabila murid tiada keinginan interaksi lisan, maka interaksi yang bersifat sehala atau berpusatkan guru berlaku sehingga menyebabkan murid menjadi pasif (Nasyimah dan Zamri, 2016). Sekiranya guru gagal mewujudkan keinginan interaksi lisan murid, salah faham terhadap sesuatu maklumat yang disampaikan, kegagalan sesi soal jawab dan sekatan peluang untuk murid berkomunikasi berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu (Abdul Rasid et al., 2013).

Interaksi lisan yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu melibatkan guru sebagai penutur dan murid sebagai pendengar. Maka, kedua-dua pihak iaitu guru dan murid bertanggungjawab untuk memastikan interaksi lisan bersifat dua hala berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Guru Bahasa Melayu sebagai penutur harus berusaha untuk merangsang keinginan interaksi lisan murid. Murid pula perlu memiliki keinginan yang mendalam untuk berinteraksi dengan guru Bahasa Melayu mereka semasa proses pembelajaran di dalam bilik darjah agar interaksi lisan bersifat dua hala berlaku secara konsisten.

Tingkah laku seseorang guru menjadi motivasi penting untuk menggalakkan penglibatan murid di dalam bilik darjah. Guru harus memiliki sifat peramah, mengenali muridnya, tidak mengkritik murid, mudah didekati dan sentiasa ceria bagi menggalakkan penglibatan aktif murid (Mohd.Yusof, Noor Rahamah dan Maizatul, 2012). Menurut kajian Mohd.Yusof et al. (2012), murid tidak akan berasa takut atau malu untuk berinteraksi, sekiranya guru-guru memiliki ciri-ciri ini. Murid juga tidak akan rasa dirinya dipinggirkan kerana mendapat peluang untuk berinteraksi semasa proses pembelajaran.

Walau bagaimanapun, wujud beberapa masalah yang berkaitan tingkah laku guru yang mengganggu keinginan interaksi lisan murid di dalam bilik darjah. Sikap segelintir guru Bahasa Melayu yang tidak bersikap profesional seperti tidak memberikan maklum balas kepada pertanyaan murid dan memarahi mereka kerana kegagalan mengawal emosi menyebabkan jurang antara guru dengan murid yang menjelaskan interaksi lisan (Yahya dan Muhamad, 2010).

Kemahiran komunikasi perlu dikuasai oleh seseorang guru agar dapat mewujudkan keinginan interaksi lisan murid (Roselan, 2001). Walau bagaimanapun, sebilangan besar guru sekolah menengah masih didapati tidak menguasai kemahiran komunikasi yang sepatautnya. Masalah ini terbukti dalam kajian Mohd Khairuddin et al. (2014) yang mengkaji komunikasi guru dalam bilik darjah. Menurut kajian ini, masih terdapat pelbagai halangan komunikasi di dalam bilik darjah yang melibatkan guru-guru sekolah menengah. Halangan komunikasi yang berlaku melibatkan sikap guru sekolah menengah yang mudah marah (57.6%), tidak mesra (42.5%), tidak senyum (38.75%), melabel murid seperti malas dan bodoh (38.75%), sikap suka berleter (36.25%), bahasa sukar difahami (36.3%), suara tidak jelas (31.3%) dan memperli atau menghina murid (20%). Halangan komunikasi yang dinyatakan jelas menunjukkan bahawa guru-guru sekolah menengah masih perlu memperbaik kemahiran komunikasi di dalam bilik darjah agar dapat merangsang keinginan interaksi lisan murid.

Semangat positif yang dimiliki oleh guru sangat penting dalam mewujudkan keinginan interaksi lisan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran, namun sebilangan guru didapati kurang bersemangat dan tiada kesungguhan ketika mengajar yang disebabkan oleh bebanan tugas guru (Norashid dan Hamzah, 2014). Kekurangan semangat ketika mengajar juga turut mengganggu kerjasama antara guru dengan murid serta kesediaan belajar guru (Nassau, Broekhuizen, van Meehelen, Brug dan Chinapaw, 2016). Ketiadaan kerjasama antara guru dengan murid akan merenggangkan hubungan kemesraan antara mereka kerana kekurangan peluang untuk berinteraksi (Nassau et al., 2016).

Hubungan yang kurang baik antara guru dengan murid turut menyumbangkan kepada kegagalan interaksi lisan bersifat dua hala (John, Sally dan Evelyn, 2014). Ketiadaan interaksi lisan yang baik antara guru dengan murid menyebabkan masalah salah faham maklumat, kegagalan sesi soal jawab yang berkesan dan sekatan peluang murid untuk berinteraksi (Abdul Rasid et al., 2013). Sekatan peluang murid untuk berinteraksi dengan guru berlaku apabila amalan pengajaran guru mengutamakan kawalan dalam interaksi lisan antara guru dengan pelajar.

Ekoran daripada kegagalan murid berinteraksi semasa proses pengajaran dan pembelajaran turut memberikan implikasi negatif kepada kerjaya mereka apabila tamat persekolahan. Hal ini terbukti apabila kebanyakan graduan menganggur kerana kekurangan kemahiran interaksi dan sebilangan mahasiswa yang didapati kurang berinteraksi walaupun telah memasuki alam pekerjaan (Ivy, 2012). Hal ini berlaku berikutan faktor pelajar yang kurang berinteraksi semasa alam persekolahan sehingga menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang baik.

Walaupun mereka berkerjaya, namun kadang kala mereka tidak dapat menguasai kemahiran insaniah yang diharapkan oleh majikan dan seterusnya menjelaskan peluang untuk mendapat kenaikan pangkat. Hal ini terbukti apabila kajian tinjauan ke atas syarikat Malaysia dan syarikat antarabangsa melaporkan bahawa murid Malaysia gagal menguasai kemahiran insaniah yang diperlukan oleh bakal majikan (PPPM, 2012).

Hubungan guru dan murid yang positif sangat penting untuk merangsang keinginan interaksi lisan murid. Hubungan yang mesra mampu menggalakkan murid terlibat dalam interaksi lisan secara konsisten sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Fenomena yang dihuraikan jelas menunjukkan keperluan kajian pengaruh elemen disposisi guru terhadap keinginan interaksi lisan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh elemen disposisi guru Bahasa Melayu terhadap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat.

### **1.4 Objektif Kajian**

Beberapa objektif dikemukakan bagi menjelaskan hala tuju kajian ini. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengenal pasti keupayaan instrumen kajian mengukur keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan persetujuan mereka terhadap elemen-elemen disposisi guru Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru Bahasa Melayu mempamerkan elemen disposisi semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti tahap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat sekiranya guru Bahasa Melayu mempamerkan elemen disposisi semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.
4. Mengenal pasti perbezaan skor min keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat berdasarkan pengaruh elemen disposisi guru Bahasa Melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina.
5. Mengenal pasti elemen disposisi guru Bahasa Melayu yang mempunyai pengaruh paling signifikan terhadap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

## **1.5 Soalan kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang memerihalkan pengaruh elemen disposisi guru Bahasa Melayu terhadap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat, beberapa soalan kajian dikemukakan.

Soalan kajian pertama akan menjawab objektif pertama, manakala soalan kajian kedua hingga ketujuh akan menjawab objektif kedua. Soalan kajian kelapan pula akan menjawab objektif ketiga, manakala soalan kajian kesembilan dan kesepuluh akan menjawab objektif keempat. Soalan kajian kesepuluh pula akan menjawab objektif kelima dalam kajian ini.

1. Adakah instrumen kajian berupaya untuk mengukur keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan persetujuan mereka terhadap elemen disposisi guru Bahasa Melayu?
2. Apakah tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru Bahasa Melayu mempamerkan elemen profesionalisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu?
3. Apakah tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru Bahasa Melayu mempamerkan elemen semangat positif semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu?
4. Apakah tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru Bahasa Melayu mempamerkan elemen kemahiran komunikasi semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu?
5. Apakah tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru Bahasa Melayu mempamerkan elemen nilai sejagat semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu?
6. Apakah tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru Bahasa Melayu mempamerkan elemen kerjasama dengan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu?
7. Apakah tahap persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru Bahasa Melayu mempamerkan elemen kesediaan untuk belajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu?
8. Apakah tahap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat sekiranya guru Bahasa Melayu mempamerkan elemen disposisi semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu?

9. Apakah perbezaan skor min persetujuan murid tingkatan empat terhadap keinginan interaksi lisan sekiranya guru Bahasa Melayu mempamerkan elemen-elemen disposisi semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina?
10. Apakah perbezaan skor min keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat yang dipengaruhi oleh elemen-elemen disposisi guru Bahasa Melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina?
11. Apakah elemen disposisi guru Bahasa Melayu yang mempunyai pengaruh paling signifikan terhadap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu?

## 1.6 Hipotesis kajian

Bagi menjawab soalan kajian yang kesembilan iaitu perbezaan skor min keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat yang dipengaruhi oleh elemen-elemen disposisi guru Bahasa Melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina, hipotesis alternatif berikut dikemukakan :

Ha1: Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengaruh elemen disposisi guru Bahasa Melayu terhadap tahap keinginan interaksi lisan murid lelaki dan perempuan tingkatan empat semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan penekanan kepada dua aspek penting, iaitu disposisi guru dan keinginan interaksi lisan murid. Berdasarkan penelitian penyelidik, walaupun terdapat beberapa kajian melibatkan tingkah laku guru dikaji, namun kajian berkaitan disposisi guru secara khusus masih belum diperluas di Malaysia. Kajian interaksi lisan yang sedia ada pula mengkaji jenis, bentuk dan amalan interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran, namun kajian yang meneliti keinginan interaksi lisan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran masih belum diperluas.

Disposisi guru merupakan faktor penggerak untuk merealisasikan pelbagai transformasi dalam diharapkan dalam sistem pendidikan. Kajian ini bukan sahaja berupaya untuk menangani masalah-masalah pembelajaran di dalam bilik darjah, malah mampu menghasilkan guru yang berkualiti seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Disposisi guru yang baik dapat membentuk keperibadian unggul dan meningkatkan martabat guru. Matlamat untuk melaksanakan ‘Budaya Guru Penayang’

yang mampu melakukan transformasi yang bernilai terhadap murid dan pendidik dapat dimangkinkan melalui disposisi yang dimiliki oleh guru.

Dalam konteks pendidikan negara, Dasar Pendidikan Malaysia menuntut agar bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa penghantar utama bagi mengintegrasikan perpaduan antara kaum. Bagi merealisasikan tuntutan ini, interaksi lisan yang berkesan harus berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Murid berupaya untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar hanya jika, mereka sentiasa berinteraksi dengan menggunakan bahasa Melayu. Interaksi lisan murid harus berlaku dengan guru Bahasa Melayu yang mengajar agar bahasa Melayu yang digunakan tepat dan betul dari segi penggunaannya. Keinginan interaksi lisan murid dengan guru Bahasa Melayu harus digalakkan agar murid dapat menguasai bahasa Melayu dengan sebaik-baiknya dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar agar murid yang berbilang kaum juga dapat memahami maklumat yang dikongsi bersama-sama.

Selain itu, kajian ini juga memberikan penekanan kepada aspek keinginan interaksi lisan murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam meningkatkan keinginan interaksi lisan murid agar dapat mewujudkan interaksi lisan bersifat dua hala antara guru dengan murid. Sekiranya interaksi lisan semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ditingkatkan, maka setiap murid mampu untuk berinteraksi dengan baik menggunakan bahasa Melayu yang standard. Murid yang bakal menamatkan alam persekolahan ini juga akan menguasai kemahiran komunikasi yang dapat memberikan peluang pekerjaan yang baik kepada mereka.

Sehubungan itu, kajian ini dapat memangkinkan pelaksanaan anjakan pertama dan anjakan kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 kerana pada dasarnya, kajian ini meninjau faktor kejayaan peningkatan akademik di peringkat antarabangsa yang menekankan tentang kepentingan disposisi dalam kalangan guru. Maka, hasil kajian ini sudah pasti dapat memberikan kesedaran kepada semua guru di Malaysia tentang kepentingan disposisi dalam meningkatkan pendidikan berkualiti setaraf antarabangsa selaras dengan anjakan pertama.

Di samping itu, kajian ini juga berupaya meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid selaras dengan anjakan kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Setiap murid yang meninggalkan alam persekolahan mampu berinteraksi menggunakan bahasa Melayu yang standard melalui penekanan kepada keinginan interaksi lisan murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Secara tidak langsung, kajian ini dapat meningkatkan kualiti guru dan menjadikan profesion keguruan sebagai pilihan utama para graduan.

Kajian ini juga memberikan manfaat kepada semua guru Bahasa Melayu dengan menyediakan peluang kepada guru-guru untuk meningkatkan kualiti diri dan membentuk keperibadian yang unggul dalam diri masing-masing. Guru dapat menjadi contoh yang baik kepada muridnya dan mampu mendekati serta mengenali muridnya. Kemesraan yang baik juga dapat diwujudkan antara guru dengan murid di dalam bilik darjah. Selain itu, guru-guru Bahasa Melayu juga dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif di dalam bilik darjah apabila interaksi lisan murid ditingkatkan. Strategi pengajaran yang berpusatkan guru sahaja dapat diubah kepada strategi berpusatkan murid apabila wujud keinginan interaksi lisan murid semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Kajian ini turut memberikan manfaat kepada pihak sekolah dalam menangani masalah disiplin semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Secara rasionalnya, sekiranya masalah disiplin dalam kalangan murid dapat diatasi, maka pencapaian akademik dapat ditingkatkan. Kajian ini juga berupaya meningkatkan motivasi untuk mempelajari bahasa Melayu apabila wujud suasana pembelajaran yang konduksif melalui interaksi lisan antara guru dengan murid. Murid juga akan memperoleh manfaat menerusi kajian ini kerana mereka berpeluang memiliki guru yang berdisposisi baik serta merangsang keinginan interaksi lisan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kebosanan mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu juga dapat diatasi kerana wujudnya suasana pembelajaran yang positif melalui disposisi guru dan interaksi lisan bersifat dua hala.

Kajian ini turut menyalurkan kepentingan kepada Institusi Pengajian Tinggi melalui penilaian disposisi pada peringkat kursus perguruan kepada bakal guru. Kajian ini memberikan ruang kepada Institusi Pengajian Tinggi untuk menilai kewajaran menyelitkan penilaian disposisi guru dalam pengajian pendidikan untuk meningkatkan kualiti bakal guru yang akan ditempatkan di sekolah. Kajian ini akan turut memberikan manfaat kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia kerana kajian disposisi ini dapat menjadi kajian awal yang mempelopori pengaruh elemen disposisi guru Bahasa Melayu terhadap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat.

Secara konklusinya, kajian pengaruh elemen disposisi guru Bahasa Melayu terhadap keinginan interaksi lisan murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dapat memanfaatkan Kementerian Pendidikan Malaysia, sistem pendidikan negara,guru Bahasa Melayu, pihak sekolah, murid sekolah, Institusi Pengajian Tinggi dan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

## **1.8**

### **Skop dan batasan kajian**

Kajian ini hanya meneliti pengaruh elemen disposisi guru Bahasa Melayu iaitu profesionalisme, semangat positif, semangat komunikasi, nilai sejagat, kerjasama dengan murid dan kesediaan belajar guru terhadap keinginan interaksi lisan murid tingkatan empat. Skop kajian ini hanya terbatas kepada keinginan interaksi lisan murid dengan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Responden kajian yang dipilih pula terbatas kepada murid tingkatan empat yang menuntut di sekolah-sekolah menengah kebangsaan harian di Wilayah Persekutuan Putrajaya sahaja. Murid tingkatan empat dipilih kerana menurut Piaget (dalam Mohammad Ali dan Mohammad Asrori, 2012), pada tahap remaja pertengahan yang berusia 16 tahun dan ke atas, interaksi dan hubungan sosial mereka akan meluas kerana tahap kemahiran pemikiran yang semakin meningkat. Selain itu, murid pada tahap ini juga dianggap sebagai remaja yang mampu memberikan pandangan dan membuat penilaian yang realistik (Mappiare, 1982).

Kajian ini juga hanya melibatkan sekolah-sekolah menengah kebangsaan harian di Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dipilih atas faktor saiz sekolah yang kecil. Saiz sekolah yang kecil terdiri daripada anggaran 400 hingga 1200 orang murid (Perangkaan Kementerian Pendidikan, 2009) didapati banyak terlibat dalam interaksi sosial dan mempunyai pendedahan yang luas dalam aktiviti kokurikulum (Najeemah, 2011). Dari aspek demografi, kajian ini hanya meneliti perbezaan tahap keinginan interaksi lisan murid mengikut jantina. Perbezaan tahap interaksi lisan tidak diteliti dari aspek kaum kerana majoriti murid di Wilayah Persekutuan Putrajaya terdiri daripada kaum Melayu.

## **1.9**

### **Definisi Konseptual dan Operasional**

Beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan seperti berikut:

#### **1.9.1 Elemen disposisi**

Disposition didefinisikan sebagai nilai, komitmen, dan etika profesionalisme guru yang mempengaruhi sikap terhadap murid, keluarga, rakan sejawat dan komuniti serta memberikan kesan terhadap pembelajaran murid, motivasi dan pembangunan profesional guru tersebut (NCATE, 2007). Dalam bidang perguruan, disposisi disifatkan sebagai perwatakan atau kualiti yang diharapkan dalam diri seseorang guru (Weiner & Cohen, 2003). Kualiti guru yang diharapkan meliputi personaliti, sikap, kepercayaan, persepsi dan harapan seseorang guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

Guru yang memiliki disposisi berupaya mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid (Savin-Baden, 2014). Selain itu, guru yang memiliki disposisi dapat memahami bahawa tingkah laku memainkan peranan yang sangat penting (Crick dan Goldspink, 2014) .Tingkah laku dan ciri-ciri personaliti yang diperhatikan oleh murid di dalam bilik darjah turut dianggap sebagai disposisi (Burant, Chubbuck dan Whipp, 2007). Di samping itu, disposisi menjadi corak tingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang guru tanpa sebarang paksaan dan bersifat sukarela serta berorientasikan matlamat yang luas (Katz,1993) Seseorang guru yang profesional seharusnya memiliki disposisi yang positif (Da Ros-Voseles & Moss, 2007).

Dalam konteks kajian ini, elemen disposisi merujuk kepada enam elemen disposisi iaitu profesionalisme, semangat positif, semangat komunikasi, nilai sejagat, kesediaan belajar dan kerjasama dengan murid yang dipamerkan oleh guru Bahasa Melayu di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Profesionalisme dianggap sebagai status kerjaya yang sangat dihormati (Kennedy, 2007), peningkatan kualiti dalam perkhidmatan (Hoyle, 2001), pencapaian standard piawaian yang tertinggi (Boyt, Lusch dan ve Naylor, 2001) dan kuasa autonomi yang profesional (David, 2000). Profesionalisme guru pula didefinisikan sebagai kebolehan seseorang guru menggunakan kemahiran dan pengalaman yang berkaitan dengan profesionnya (Baggini, 2005). Profesionalisme guru turut merujuk kepada guru yang menunjukkan tingkah laku yang terbaik dengan menetapkan standard piawaian yang tinggi (Tichenor dan Tichenor, 2005). Profesionalisme seseorang guru juga diukur melalui kualiti diri terbaik yang ditonjolkan (Phelps, 2006). Dalam konteks kajian ini pula, profesionalisme merujuk kepada profesionalisme guru Bahasa Melayu semasa berinteraksi dengan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Semangat positif guru pula merujuk kepada tingkah laku guru yang bersemangat untuk mengajar (Kunter, Frenzel, Nagy, Bumert dan Pekrun, 2011). Keceriaan dan keaktifan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran turut dianggap sebagai semangat positif (Keller, 2011). Semangat positif juga ditafsirkan sebagai penglibatan dan interaksi guru yang positif dan berterusan dengan murid (Haerens, Aelterman, van den Berghe, De Meyer, Soenens dan Vansteenkiste, 2013). Dalam konteks kajian ini, semangat positif merujuk kepada semangat atau kesungguhan guru Bahasa Melayu untuk berinteraksi dengan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Kemahiran komunikasi merujuk kepada kemahiran guru dalam mengembangkan idea murid dan menggalakkan murid untuk memberikan pandangan secara terbuka (Ezzati, Farmanbar dan Khaleghizadeh, 2014). Kemahiran komunikasi juga dianggap sebagai kemahiran berinteraksi

secara bersemuka antara dua pihak semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Kazi, 2012). Kemahiran komunikasi turut ditafsirkan sebagai kemahiran merangsang minat dan tumpuan murid, memberikan arahan dan penjelasan serta penggunaan bahasa yang baik (Yusof dan Halim, 2014). Dalam konteks kajian ini, kemahiran berkomunikasi merujuk kepada kemahiran berinteraksi dengan murid yang dipamerkan oleh guru Bahasa Melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Nilai sejagat merujuk kepada sesuatu tanggapan yang berguna, berharga dan bermutu yang dimiliki oleh sekumpulan manusia (Zainal Kling, 2000). Nilai sejagat guru pula bermaksud kefahaman dan penerimaan guru terhadap perbezaan dan kepelbagai ciri murid (Nieto, 2010). Nilai sejagat guru meyakinkan murid tentang ekuiti dan nilai keadilan sosial (Gibson, 2012). Nilai sejagat guru juga ditafsirkan sebagai kebolehan guru mengendalikan murid yang mempunyai perbezaan kaum, budaya dan status sosial (Bender dan Devanas, 2012). Dalam konteks kajian ini, nilai sejagat merujuk kepada kebolehan guru Bahasa Melayu berinteraksi dengan semua murid tanpa mengira perbezaan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Kerjasama guru dengan murid bermaksud kesediaan guru untuk melibatkan diri secara aktif dalam komunikasi dan penyelesaian masalah pembelajaran murid (Seid Mohamad, 2016). Kesanggupan guru untuk bekerjasama dengan murid atau kumpulan belajar murid juga ditafsirkan sebagai kerjasama dengan murid (Ernest Lim Kok Seng, 2014). Dalam konteks kajian ini, kerjasama dengan murid bermaksud kesanggupan guru untuk bekerjasama dengan murid untuk berinteraksi semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Kesediaan guru merujuk kepada kerelaan guru untuk meningkatkan kualiti diri dalam akademik, profesion dan pembangunan kendiri (Khitruk, 2013). Kesediaan untuk belajar juga merangkumi kesediaan guru untuk membuat refleksi bagi meningkatkan kualiti (Biktagirova dan Valeeva, 2014). Dalam konteks kajian ini kesediaan untuk belajar bermaksud sikap keterbukaan dan kesediaan guru untuk berinteraksi bagi mempelajari sesuatu yang baharu semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

### **1.9.2 Keinginan Interaksi lisan**

Interaksi lisan merupakan wahana utama dalam sesuatu proses komunikasi yang berlaku di dalam bilik darjah. Perkara pertama untuk menggerakkan proses komunikasi ini ialah keinginan komunikator untuk berinteraksi (Suranto, 2012). Keinginan merupakan suatu bentuk motivasi instrinsik yang mengaktifkan dan menggerakkan murid untuk melakukan sesuatu (Dimiyanti dan Mudjiono, 2002). Keinginan interaksi lisan merujuk kepada kesudiaan untuk berinteraksi (Baghaei, 2012).

Interaksi pula ditakrifkan sebagai perhubungan aktif antara satu sama lain yang menyebabkan tindak balas antara dua atau beberapa pihak (Abdul Rasid et al., 2013). Interaksi lisan pula didefinisikan sebagai proses penyaluran dan pertukaran maklumat melalui pertuturan antara penutur dan pendengar (Ghazali dan Shamsudin, 2014). Pengajaran yang baik melibatkan interaksi yang baik antara guru dengan murid di dalam bilik darjah (Fredson Soares, 2015).

Interaksi lisan bersifat dua hala antara guru dengan murid sangat penting kerana tanpa interaksi lisan guru sebenarnya tidak dapat berinteraksi dengan murid dalam pelaksanaan tugas pengajaran (Roselan, 2001). Dalam konteks kajian ini, keinginan interaksi lisan merujuk kepada keinginan murid untuk berinteraksi dengan guru Bahasa Melayu bagi mewujudkan interaksi lisan bersifat dua hala semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

### **1.9.3 Guru Bahasa Melayu**

Guru dianggap sebagai tenaga ikhtisas dalam bidang perguruan yang dipertanggungjawabkan untuk mendidik murid di sekolah (Noor, 2014). Guru Bahasa Melayu ialah guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu yang menjadi subjek teras di peringkat sekolah yang dibahagikan kepada guru beropsyen bahasa Melayu dan tidak beropsyen bahasa Melayu. Guru beropsyen merupakan guru yang memiliki kelayakan ijazah dalam pengajaran bahasa Melayu, manakala guru bukan opsyen ialah guru yang memiliki kelayakan ijazah dalam bidang pengkhususan yang lain.


Berdasarkan konteks kajian ini, guru Bahasa Melayu merujuk kepada guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu bagi murid tingkatan empat.

### **1.9.4 Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu**

Pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu proses yang berlaku di dalam bilik darjah untuk mempelajari sesuatu ilmu. Proses pengajaran dan pembelajaran biasanya melibatkan guru yang mengajar dan murid yang belajar sesuatu mata pelajaran. Bahasa Melayu pula merupakan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar utama di Malaysia. Mata pelajaran bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh setiap murid di Malaysia. Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, tujuan pembelajaran bahasa Melayu adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan komunikasi selaras dengan peranannya sebagai bahasa ilmu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999).

Subjek bahasa Melayu telah diberikan kedudukan yang sangat tinggi dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kewajipan lulus bahasa Melayu yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia membolehkan bahasa Melayu berkembang sebagai bahasa kebangsaan dengan lebih cemerlang di Malaysia. Guru Bahasa Melayu dipertanggungjawabkan untuk mengajar mata pelajaran bahasa Melayu bagi murid.

Berdasarkan konteks kajian ini, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu merujuk kepada proses belajar yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah antara guru dengan murid.



## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, & Sufiza Ishak. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1): 42-51
- Abdul Razaq Ahmad, Anisa Saleha, Zalizan Mohd Jelas, & Ahmad Ali Seman. (2010). Kepelbagaian pelajar dan sekolah: satu kajian kes di negeri Pahang. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35 (2):87-95
- Abdullah Sani Yahaya, Abdul Rashid Mohamed & Abd Ghani Abdullah. (2007). *Guru Sebagai Pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Abry, T., Rimm-Kaufman, S. E., Larsen, R. A., & Brewer, A. J. (2013). The influence of fidelity of implementation on teacher–student interaction quality in the context of a randomized controlled trial of the responsive classroom approach. *Journal of School Psychology*, 51(4):437-453.
- Ahmad Mukarrom Sunaryo. (2015). *Menjadi Guru Pilihanku: Buku Panduan Menjadi Guru Yang Baik*. Borneo: Borneo Media Solutions.
- Akaike, H. (1974). A new look at the statistical model identification. *IEE Transactions on Automatic Control*, 19(6):716-23
- Akiba, M., & Liang, G. (2016). Effects of teacher professional learning activities on student achievement growth. *Journal of Educational Research*, 109(1): 99-110.
- Allen, G., Rhind, D., & Koshy, V. (2015). Enablers and barriers for male students transferring life skills from the sports hall into the classroom. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 7(1):53-67.
- Allen, J., Gregory, A., Mikami, A., Lun, J., Hamre, B., & Pianta, R. (2013). Observations of effective teacher-student interactions in secondary school classrooms: Predicting student achievement with the classroom assessment scoring system-secondary. *School Psychology Review*, 42(1):76.
- Almerico, G., Johnston, P., Henriott, D., & Shapiro, M. (2011). Dispositions assessment in teacher education: developing an assessment instrument for the college classroom and the field. *Research in Higher Education Journal*, 11(1):15-19
- Alonzo AC.(2002). Proceedings from Annual International Conference of the Association for the Education of Teachers in Science: *Evaluation of A Model For Supporting The Development of Elementary School Teachers' Science Content Knowledge*. Charlotte, NC.
- Amidon .E., & Hough. J. (1967). *Interaction Analysis: Theory, Research, and Application*. U.S: Addison Wesley Publishing Co.
- Amidon, E.J. & Flanders, N.A. (1967). *The role of the teacher in the classroom*. Minnesota: Productive Teaching, Inc.

- Amidon, E.J. & Hunter, E. (1966). *Improving teaching, the analysis of classroom verbal interaction*. New York: Rinehart and Winston.
- Ana Paula, C., & Maria de, L.S. (2009). Professional ethics and teacher education. *Educational Science Journal*, 8(1):45-54
- Anderson, James, C., & David W. G. (1988). Structural equation modeling in practice: a review and recommended two-step approach. *Psychological Bulletin*, 103(5):411-23.
- Andrea M.W. (1998). *The Effects of Teacher Enthusiasm on Student Motivation, Selective Attention, and Text Memory*. London: University of Western Ontario.
- Anida Sarudin. (2014). Peningkatan Kualitas Profesionalisme Guru Bahasa Melayu Dalam Institusi Pendidikan. *Kajian Linguistik. Program Studi Linguistik F1B USU*, 2(8):15-26
- Anton, M. (1999). The discourse of a learner-centered classroom: sociocultural perspectives on teacher-learner interaction in the second-language classroom. *The Modern Language Journal*, 83 (3):302-318
- Arends, R. I. (2000). *Learning to Teach*. Boston: McGraw Hill.
- Arfah Abdul Aziz. (1981). *Strategies for Communication Between Teachers and Pupils in A Rural Malaysian School*. Singapore: Singapore University Press.
- Aripin Norizah, Mustafa Hasrina & Hussien Adnan. (2014). Hubungan Kedinamikan Dalaman Dengan Keberkesanan Pasukan Maya: Satu Tinjauan Di Organisasi Bertaraf Koridor Raya Multimedia (Msc) Yang Terpilih. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 30(1): 191-218
- Awang, Z. (2015). *Sem Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structural Equation Modelling*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication.
- Baggini, J. (2005). What professionalism means for teachers today? *Education Review*, 18 (2):5-11.
- Baghaei, P. (2012). The relationship between willingness to communicate and success in learning English as a foreign language. *Modern Journal of Applied Linguistics*, 4(2):53-67.
- Bagozzi, R. P., Yi, Y. & Phillips, L.W. (1991). Assessing construct validity in organizational research. *Administrative Science Quarterly*, 36(3):421-58.
- Bagozzi, Richard P., & Lynn W. P. (1982). Representing and testing organizational theories: a holistic construal. *Administrative Science Quarterly*, 27(9):459-489.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Kerajaan Persekutuan.

- Baharin Abu & Suzana Mamat. (2010). *Pengetahuan Etika Profesional Perguruan Dalam Kalangan Guru Pelatih 4SPH Fakulti Pendidikan UTM*. (Unpublished). Universiti Teknologi Malaysia.
- Barrett, P. (2007). Structural equation modelling: adjudging model fit. *Personality and Individual Differences*, 42(5): 815-24.
- Beattie, G. (1981). *The Regulation Of Speaker Turns In Face To Face Conversation: Some Implications For Conversations In Sound-Only Channels*.
- Bender, B., & Devanas, M. (2012). Poster presented at the Fourth Biennial Conference on Threshold Concepts: *Embracing threshold competencies and concepts as an educational model for the professional development of PhD students*. Trinity College: Dublin.
- Bentler, P. M., & Bonett, D. C. (1980). Significance tests and goodness of fit in the analysis of covariance structures. *Psychological Bulletin*, 88(3):588-606.
- Bentler, P. M. (1990). Comparative fit indexes in structural models. *Psychological bulletin*, 107(2): 238-46
- Bentler, P. M., & Bonett, D. G. (1980). Significance tests and goodness of fit in the analysis of covariance structures. *Psychological bulletin*, 88(3):588.
- Bernales, C. (2016). Towards a comprehensive concept of Willingness to Communicate: Learners' predicted and self-reported participation in the foreign language classroom. *System*, 56(3):1-12.
- Biktagirova, G. F., & Valeeva, R. A. (2013, September). Technological approach to the reflection development of future engineers. In *Interactive Collaborative Learning (ICL), 2013 International Conference on* (pp. 427-428). IEEE
- Bollen, K. A. (1989). *Structural Equations with Latent Variables*. New York: Wiley.
- Bollen, K. A. (1990). Overall fit in covariance structure models: two types of sample size effects. *Psychological Bulletin*, 107(2): 256-59.
- Boomsma, A. (2000). Reporting analyses of covariance structures. *Structural Equation Modeling*, 7(3):461-83.
- Borsboom, D., Mellenbergh, G. J., & van Heerden, J. (2004). The concept of validity, *Psychological Review*, 111(4):1061–1071.
- Boyt, T., Lusch, R. F. & ve Naylor, G. (2001). The role of professionalism in determining job satisfaction in professional services: a study of marketing researchers, *Journal of Service Research*, 3(4):321-330.
- Braidi,S.(1995). Reconsidering the Role of Interaction and Input in Second Language Acquisition. *Language Learning*, 45:141-75.
- Brigham.F.J., Scruggs T.E., & Mastropieri M.A. (1992). Teachers Enthusiasm and Teachers Disability Classrooms. Effect on Learning and Behaviour. *Learning Disabilities Learning and Practice*, 7:68-73.

- Brown, G., & Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. New York: Cambridge University Press.
- Brown, J. D. (2001). *Using Surveys In Language Programs*. New York: Cambridge University.
- Bruen, J., & Kelly, N. (2016). Language teaching in a globalised world: harnessing linguistic super-diversity in the classroom. *International Journal of Multilingualism*, 13(3):333-352.
- Buddin, R., & Zamarro, G. (2009). What teacher characteristics affect student learning. [Research Brief]. Retrieved from <http://rand.org/pubs>
- Burant, T., Chubbuck, S., & Whipp, J. (2007, December). Reclaiming the moral in the dispositions debate. *Journal of Teacher Education*, 58(5): 397-411.
- Burhan Shadiq. (2011). *Rahasia Mengajar dengan Kreatif, Inspiratif dan Cerdas*. Indonesia: Logika Galileo.
- Butler, B. M., & Cuenca, A. (2012). Conceptualizing The Roles of Mentor Teachers During Student Teaching. *Action in Teacher Education*, 34(4):296-308.
- Byrne, B. M. (1998). *Structural equation modeling with LISREL, PRELIS and SIMPLIS: basic concepts, applications and programming*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Byrne, B. M. (2001). *Structural equation modeling with AMOS*. Rahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Caglar, C. (2013). The relationship between the perceptions of fairness of the learning environment and the level of alienation. *egitim arastirmalari. Eurasian Journal of Educational Research*, 50:185-206.
- Campbell, D. T., & Fiske, D. W. (1959). Convergent and discriminant validation by the multitrait-multimethod matrix. *Psychological Bulletin*, 56:81-105.
- Cazden, C. B. (1988). *Classroom Discourse: The Language Of Teaching And Learning*. Portsmouth: Heinemann Educational Books.
- Chau, P. Y. (1997). Reexamining a model for evaluating information center success using a structural equation modeling approach. *Decision Sciences*, 28(2):309-334.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(11):10-22
- Chong, O. S., Mahamod, Z., & Yamat, H. (2016). *Faktor Jantina, Kaum, Aliran Kelas dan Hubungannya dengan Kecerdasan Emosi Murid dalam Mempelajari Bahasa Melayu*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 12-23.
- Chua Yan Piaw. (2009). *Statistik Penyelidikan Lanjutan. Kaedah Dan Statistik Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill Education Sdn Bhd.

- Claessens, L., van Tartwijk, J., Pennings, H., van der Want, A., Verloop, N., den Brok, P., & Wubbels, T. (2016). Beginning and experienced secondary school teachers' self-and student schema in positive and problematic teacher-student relationships. *Teaching and Teacher Education*, 55:88-99.
- Clarke, A., Triggs, V., & Nielsen, W. (2013). Cooperating Teacher Participation in Teacher Education: A Review of the Literature. *Review of Educational Research*, 23(2):163-202.
- Cotton, K. (1995). Effective Schooling Practices: A Research Synthesis 1995 Update. [On-line]. Retrieved from <http://www.nwrel.org/scpd/esp/esp95.html>
- Crick, D.R.,& Goldspink,C. (2014). Learner dispositions, self-theories, and students engagement. *British Journal of Educational Studies*, 62(1):19-35.
- Crowley, S. L. & Fan, X. (1997). Structural equation modeling: basic concepts and applications in personality assessment research. *Journal of Personality Assessment*, 68(3): 508-31.
- Cynthia, K. (2013). Enhancing students' cultural competence using cross-cultural experiential learning. *Journal of Cultural Diversity*, 20(3):107.
- D'hondt, F., Van Praag, L., Stevens, P. A., & Van Houtte, M. (2015). Do attitudes toward school influence the underachievement of Turkish and Moroccan minority students in Flanders? The attitude-achievement paradox revisited. *Comparative Education Review*, 59(2): 332-354.
- Da Ros-Voseles, D., & Moss, L. (2007). The role of dispositions in the education of future teachers. *YC Young Children*, 62(5):90.
- Danielson, C. (2006). *Teacher Leadership That Strengthens Professional Practice*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Dardeau, L., Elizabeth, H., Michelle, H., Hebert, D., Lewis, B., & Welch, B. (2008). *Assessment of Dispositions in Initial Teacher Education Programs*. U.S: McNeese State University's Professional Education Unit.
- Darling-Hammond, L., & Youngs, P. (2002). Defining "highly qualified teachers:" What does "scientifically-based research" actually tell us? *Educational Researcher*, 31(9):13–25.
- David, C. (2000). Professionalism and Ethics in Teaching. London: Taylor & Francis Books Ltd.
- Dazali, Nurul Salmi Mohd, & Mohd Isha Awang. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2): 44-56.
- De Jong, R. J., Van Tartwijk, J., Verloop, N., Veldman, I., & Wubbels, T. (2012). *Teachers' expectations of teacher-student interaction:*

- complementary and distinctive expectancy patterns.* Teaching and Teacher Education.
- De Meyer, J., Tallir, I. B., Soenens, B., Vansteenkiste, M., Aelterman, N., Van den Berghe, L & Haerens, L. (2014). Does observed controlling teaching behavior relate to students' motivation in physical education? *Journal of Educational Psychology*, 106(2):541.
- Debbie, A., & Carl Brydges, B. (2011). *Professional Teaching Dispositions for Elementary versus Secondary: Testing The Generalizability Of Findings From Rubric Assessment Data To Identify And Improve Performance Of Struggling And High Risk Teacher Candidates*. New York: University of New York.
- Delamont S. (1976). *Beyond Flanders Field: The Relationship of Subject Matter and Individuality to Classroom Style*. London: John Wiley and Sons.
- Demanet,J., & Van H.M. (2012). *Teachers' Attitudes and Students' Opposition. School Misconduct as a Reaction To Teachers' Diminished Effort and Affect*. Belgium: Ghent University.
- Demir Kaymak, Z., & Horzum, M. B. (2013). Relationship between Online Learning Readiness and Structure and Interaction of Online Learning Students. *Educational Sciences: Theory and Practice*, 13(3):1792-1797.
- Den Brok, P., Fisher, D., & Koul, R. (2005). The importance of teacher interpersonal behavior for secondary science students' attitudes in Kashmir. *Journal of Classroom Interaction* ,40:5–19.
- Diamantopoulos, A. & Siguaw, J.A. (2000). *Introducing LISREL*. London: Sage Publications.
- Dimiyanti & Mudjiono. (2002), *Belajar dan Pembelajaran*. Jakarta: Rineka Cipta
- Duta, N. (2015). From theory to practice: the barriers to efficient communication in teacher-student relationship. *ScienceDirect. Procedia- Social and Behavioral Sciences*, 187:625-630
- Edick, N., Danielson, L., & Edwards, S. (2007). Dispositions: defining, aligning and assessing. *Academic Leadership*, 4(1):37-40
- Edmondson, W. (1981). *Spoken Discourse: A Model For Analysis*. London:Longman Group.
- Effandi, Zakaria, Norazah, Nordin & Sabri Ahmad. (2007). Trend Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. Selangor: Utusan Publication and Distribution Sdn. Bhd.
- Efron, B. (1981). Nonparametric estimates of standard error: the jackknife, the bootstrap, and other resampling methods. *Biometrika*, 68: 589-599.
- Ellis, R., Tanaka, Y., & Yamazaki, A. (1994). Classroom interaction, comprehension, and the acquisition of L2 word meanings. *Language Learning*, 44:449–491.

- Ergai, A., Cohen, T., Sharp, J., Wiegmann, D., Gramopadhye, A., & Shappell, S. (2016). assessment of the human factors analysis and classification system (HFACS): intra-rater and inter-rater reliability. *Safety science*, 82:393-398.
- Erlam, R. (2015). Why the interact standard is good for your language classroom?. *New Zealand Language Teacher*, 41(11):23-33
- Ernest Lim Kok Seng. (2014). Investigating teachers' views of student-centred learning approach. *International Education Studies*, 7:143-148.
- Fadzilah Abd Rahman & Scaife, J. (2012). Sustaining constructive learning environment: the role of multi-sources regulation. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 35:180-186.
- Fallah, N. (2014). Willingness to communicate in English, communication self-confidence, motivation, shyness and teacher immediacy among Iranian English-major undergraduates: A structural equation modelling approach. *Learning and Individual Differences*, 30, 140-147.
- Falloon, G., & Khoo, E. (2014). Exploring young students' talk in iPad-supported collaborative learning environments. *Computers & Education*, 77:13-28.
- Fan, X., Thompson, B., & Wang, L. (1999). Effects of sample size, estimation methods, and model specification on structural equation modeling fit indexes. *Structural Equation Modeling*, 6(1):56-83.
- Fisher D, Fraser B, Cresswell J . (1995). Using the "Questionnaire on Teacher Interaction" in the Professional Development of Teachers. *Australian Journal of Teacher Education*, 20(1): 8-18.
- Flanders, N. A. (1970). *Analyzing Teaching Behaviour*. MA: Addison-Wesley Publishing Company.
- Fornell, C. & Larcker, D. F. (1981). Evaluating structural equation models with unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research*, 18(1), 39–50.
- Fornell, Claes and David F. Larker (1981). Evaluating structural equation models with unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research*, 18 (2):39-50.
- Fraenkel, J.R., & Wallen, N.E. (2006). *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.
- Franklin, T.T. (2013). *Multicultural Dispositions: A Viable Tool for Teacher Training*. Omaha:University of Nebraska
- Fredson, S.(2015). *The Relationship between Teachers and Students in the Classroom: Communicative Language Teaching Approach and Cooperative Learning Strategy to Improve Learning*. U.S: Bridgewater State University.
- Furst, N., & Amidon, E.(1967). *Teacher Pupil Interaction Patterns in the Elementary School*. New York: Addison Wesley Publishing Co.

- Gafaranga, J. (2001). Linguistic identities in talk-in interaction: order in bilingual conversation. *Journal of Pragmatics*, 33:1901-1925.
- Garson, G. D. (2013). *Validity and Reliability*. New York: Statistical Associates Publishers.
- Gass, S. M., & Varonis, E. M. (1994). Input, interaction, and second language production. *Studies in Second Language Acquisition*, 16:283–302.
- Gerbing, D. W. & Anderson, J. C. (1984). On the meaning of within-factor correlated measurement errors. *Journal of Consumer Research*, 11(June), 572-80.
- Ghazali Lateh & Shamsudin Othman.(2014). Tinjauan interaksi lisan bahasa Melayu dalam kalangan remaja Malaysia dari sudut etnografi komunikasi .*Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(5): 30-40
- Gibson, K. M. (2012). Influences on diversity in teacher education: Using literature to promote multiple perspectives and cultural relevance. *International Journal for the Scholarship of Teaching and Learning*, 6(1):13.
- Goe, L. (2007). *The Link between Teacher Quality and Student Outcomes: A Research Synthesis*. Washington: National Comprehensive Center for Teacher Quality.
- Goe, L., Bell, C., & Little, O. (2008). *Approaches to Evaluating Teacher Effectiveness: A Research Synthesis*. Washington: National Comprehensive Center for Teacher Quality.
- Goldspink, C., & Foster, M. (2013). A conceptual model and set of instruments for measuring student engagement in learning. *Cambridge Journal of Education*, 43:291–311.
- Gollnick, D. M., & Chinn, P. C. (2013). *Multicultural Education in A Pluralistic Society*.Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Good, T., & Brophy, J. (1997). *Looking in Classroom*.New York: Logman.
- Graham, R. (2011). Learning-to-learn and learning-to-teach: the impact of disciplinary subject study on student-teachers' professional identity. *Journal of Curriculum Studies*, 43(2):249-268.
- Gray, M. L. (2016). *Student Satisfaction As an Outcome of The Frequency And Type of Teacher Interaction In Online Courses* (Doctoral dissertation).Northcentral University, California.
- Guerrero, A. (2016). *Teacher-student relationships and their effect on the learning outcomes of high school students* (Doctoral dissertation). Northcentral University, California.
- Gumperz, J.J., & Herasimchuk, E. (1973). *The Conversational Analysis of Social Meaning. Current Trends And Perspectives*. Washington: George Town University Press.
- Haerens, L., Aelterman, N., Van den Berghe, L., De Meyer, J., Soenens, B., and Vansteenkiste, M. (2013). Observing physical education teachers'

- need-supportive interactions in classroom settings. *J. Sport Exerc. Psychol.* 35, 3–17.
- Hagenauer, G., Hascher, T., & Volet, S. E. (2015). Teacher emotions in the classroom: associations with students' engagement, classroom discipline and the interpersonal teacher-student relationship. *European Journal of Psychology of Education*, 30(4):385-403.
- Hair Jr, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C., & Sarstedt, M. (2016). *A Primer On Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. U.K: Sage Publications.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis. Seventh Edition*. New Jersey:Pearson New International Edition.
- Haliza, Hamzah, & Samuel, Joy Nesamalar. (2014). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd
- Hamidah, Siti. (2015). *Toleransi Peguruan Pencak Silat, Skripsi, Fakultas Psikologi*. (Tesis). Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim, Malang.
- Hamre, B. K., Pianta, R. C., Downer, J. T., DeCoster, J., Mashburn, A. J., Jones, S. M., ... & Brackett, M. A. (2013). Teaching through interactions. *The Elementary School Journal*, 113(4):461-487.
- Hanifah Mahat, Zainudin Othman, Yazid Saleh , Mohmadisa Hashim, Adnan Jusoh & Norazlan Hadi Yaacob. (2016). GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia. *Journal of Society and Space*, 12(1): 37 – 48
- Hart, P. (2010). No longer a " Little Added Frill": The transformative potential of environmental education for educational change. *Teacher Education Quarterly*, 37(4):155-177.
- Harvey Wells, Anna Jones & Sue C. Jones. (2014) Teaching reluctant students: using the principles and techniques of motivational interviewing to foster better student-teacher interactions. *Innovations in Education and Teaching International*, 51(2): 175-184
- Hashim, S., Yaakub R., & Ahmad, Z.M. (2007). *Pedagogi-Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Hatcher, L. A. (1994). *Step-By-Step Approach to Using the SAS System for Factor Analysis and Structural Equation Modeling*. New York: SAS Institute.
- Hayduk, L., Cummings, G. G., Boadu, K., Pazderka-Robinson, H. & Boulianane, S. (2007). Testing! testing! one, two three – testing the theory in structural equation models! *Personality and Individual Differences*, 42(2):841-50.

- Hazri , J., Molly, N. N. L., Santhiram , R., Hairul Nizam, I., Nordin , A. R., Wah, L. L., Nair , S. (2012). *Ethnic Interaction Among Students in Secondary School in Malaysia*: Penang :Universiti Sains Malaysia.
- Hein, G. E. (2012). Progressive museum education: Examples from the 1960s. *International Journal of Progressive Education*, 9(2): 61-76.
- Helena J.M., van Tartwijk, J., Wubbels, T. , Claessens, L.C., van der Want, & Mieke, B. (2013). Real-time teacher–student interactions: A dynamic systems approach. *Teaching and Teacher Education*, 37:183-193.
- Henseler, J., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2015). A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modelling. *Journal of the Academic, Marketing, Science*, 43: 115-135.
- Hooper, D., Coughlan, J. & Mullen, M. (2008). Structural equation modelling: guidelines for determining model fit. *Electronic Journal of Business Research Methods*, 6(1):53-60.
- Howard, G. R. (2007). Dispositions for good teaching. *Journal of Educational Controversy*, 2(2):2.
- Hu, L. T. & Bentler, P. M. (1999). Cutoff criteria for fit indexes in covariance structure analysis: conventional criteria versus new alternatives. *Structural Equation Modeling*, 6(1):1-55.
- Huang, R., & Bao, J. (2006). Towards a model for teacher professional development in China: Introducing Keli. *Journal of Mathematics Teacher Education*, 9:279-298.
- Ilato, R., & Hasiru, R. (2013). *Pengaruh Profesionalisme Guru Terhadap Motivasi Belajar Siswa pada Mata Pelajaran Akuntansi di Kelas Xi Ips-2 Sma Negeri 4 Gorontalo Fahd Mahmud*. (Tesis). Universitas Negeri Gorontalo, Indonesia.
- Interstate New Teacher Assessment and Support Consortium (INTASC). (2011). *Model standards for beginning teacher licensing and development*. Washington,DC: Author.
- Isti, D.I. (2012). *Penerapan Metode Pembelajaran Snowball Drilling Untuk Meningkatkan Keaktifan Belajar Ips Siswa Kelas Viii A Smp Ni Kalikajar Kabupaten Wonosobo*. (Tesis).Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia.
- Itakura. (2001). *Conversational Dominance and Gender*. Amsterdam: John Benjamins.
